



# **KONTRAK SOSIAL: PENGIKAT JATI DIRI BANGSA MALAYSIA MERDEKA**

**PROFESOR DATUK DR. SHAMRAHAYU AB. AZIZ**  
Penyandang Kursi  
Kursi Institusi Raja-Raja Melayu  
Universiti Teknologi MARA Shah Alam



# Maksud Kontrak Sosial

Dalam pengertian yang diberikan oleh Jean-Jacques Rousseau dalam tulisan beliau yang diterjemahkan « The Social Contract »

1

“Man is born free,

2

“...and everywhere he is in chains...”

3

Untuk mendapatkan keteraturan dalam masyarakat

“Social order

# ***Maksud kontrak sosial***

---



Janji-Janji  
Masyarakat



Persetujuan-Persetuju  
an yang dibuat  
sebelum  
Perlembagaan  
digubal



Dimasukkan dalam  
Perlembagaan

# KONTRAK SOSIAL IALAH : JANJI-JANJI MASYARAKAT

Kontrak  
sosial asalnya  
*untuk  
keteraturan  
masyarakat*

“the social order isn’t to be understood in terms of force; it is a sacred right on which all other rights are based. But it doesn’t come from nature, so it must be based on agreements...”


Kontrak  
sosial asalnya  
*untuk*  
*keteraturan*  
*masyarakat*

---

“the social order isn’t to be understood in terms of force; it is a sacred right on which all other rights are based. But it doesn’t come from nature, so it must be based on agreements...”

# Kontrak Sosial dalam konteks Malaysia

“Kontrak Sosial bagi maksud negara kita lahir daripada perasaan Muhibbah dengan kesedaran masyarakat pelbagai kaum”



Perlembagaan Persekutuan adalah sebuah perjanjian antara pihak-pihak yang mempersetujui hubungan antara mereka sebagai hubungan yang sah dan diiktiraf oleh undang-undang



# *Prinsip-Prinsip Asas Kontrak Sosial di Malaysia*



Menjaga hak dan  
kepentingan



Warisan dan tradisi  
Tanah Melayu



Penerimaan masyarakat  
pelbagai kaum dalam  
prinsip “common  
citizenship)



Persefahaman dan  
Penerimaan



Tolak Ansur



“muhibbah”



*Kontrak sosial  
yang  
digunakan kini*

---

- Kita telah melalui proses tolak ansur, toleransi, dan persefahaman – dirangkum dengan perasaan muhibbah antara kaum telah berlaku dalam rundingan sebelum membentuk negara bangsa Malaysia
- Perkara-perkara ini telah dimeterai dan diisytihar dalam PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN
- Oleh itu pengisian dalam Perlembagaan Persekutuan tersebut merupakan natijah kepada kontrak sosial– yang berlaku melalui MUHIBBAH

*Adakah  
Kontrak  
Sosial itu  
wujud di  
Malaysia?*

---

Jawapannya ialah YA. Benar  
KONTRAK SOSIAL ITU  
WUJUD.

Tetapi dalam konsep  
BERBEZA daripada konsep  
KONTRAK SOSIAL  
BARAT


*Konsep  
wacana  
kontrak sosial  
Jean-Jacque  
s Rousseau*

- Konsep kontrak sosial di Barat, wacananya timbul daripada persoalan politik mengenai *natural freedom* – *kebebasan semulajadi rakyat* –
- Iaitu rakyat melawan kuasa kerajaan untuk menjaga KEBEBASAN mereka melalui sistem sosial
- Tetapi dalam negara kita, kontrak sosial kita, kita rangkum beberapa perkara yang dicapai menerusi rundingan –yang dilaksanakan dengan perasaan MUHIBBAH

*Dimensi  
Kontrak  
Sosial  
Malaysia*

- Sebagai sebuah PERJANJIAN Perlembagaan mempunyai peruntukan yang menggabungkan dimensi sosial, politik, budaya, ekonomi – berkait rapat dengan sejarah dan identiti – yang dipersetujui melalui rundingan


## *Fungsi Perlembagaan*



- Oleh itu Perlembagaan bukan semata-mata perundangan,
- Tetapi Perlembagaan berfungsi menyelesaikan masalah sosial dan budaya serta masalah politik tertentu
- Perlembagaan dibentuk untuk menguruskan perkara-perkara yang berkait rapat dengan perpaduan

# Sistem baharu dalam Perlembagaan

Kontrak sosial telah  
mewujudkan sistem  
baharu yang bukannya  
warisan atau tradisi  
Tanah Melayu



# SEJARAH JANJI MASYARAKAT

## *Permulaan Kontrak sosial*

Memahami sejarah “janji-janji Masyarakat” adalah penting dalam memahami maksud dan tujuan Perlembagaan Persekutuan

Malayan Union merupakan titik tolak kepada perkara yang terangkum dalam ‘kontrak sosial’ yang dimuatkan dalam Perlembagaan

Malayan Union berhasrat mengenyahkan kewibawaan Melayu – kedudukan Melayu dan raja-raja  
Kita maklum Malayan Union telah gagal kerana ditolak oleh orang-orang Melayu

*Toleransi  
orang-orang  
Melayu dan  
penerimaan  
komuniti lain*

- Perbincangan serius semasa proses menggantikan Malayan Union dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948
- Setelah berjaya menolak Malayan Union, bermula perbincangan mengenai keistimewaan Melayu, kerakyatan dan kewarganegaraan mula dibincang secara serius.
- Setelah pelbagai rintangan, persefahaman dan timbal balik, memberi dan menerima; perasaan MUHIBBAH tadi keistimewaan Melayu dan kerakyatan telah dipersetujui





# Kewarganegaraan

- Jawatankuasa Perhubungan Kaum mencadangkan beberapa perkara berkaitan kerakyatan
- Kewarganegaraan lebih terbuka mendapat reaksi negatif orang Melayu kerana
  1. bimbangkan taat setia
  2. risiko orang Melayu akan sentiasa mundur kerana akan membuka ruang kepada persaingan dalam bidang tertentu
  3. Berkurangan perwakilan Melayu

*Mencari  
Penyelesaian  
dalam isu  
kewarganegaraan*

- Dato Onn:
- Rakyat Persekutuan; dahulunya rakyat raja
- Hanya boleh dianugerahkan dengan syarat kesetiaan kepada Tanah Melayu – British ragui
- British mahukan ujian taat setia, tetapi disanggah Tan Cheng Lock
- Pindaan Perjanjian Persekutuan 1948 pada 1952:

**Rakyat Raja sebagai syarat menjadi rakyat Persekutuan telah dihapuskan**


Jus soli menjadi penyelesaian

*Soal kerakyatan adalah perkara yang sangat penting yang juga menjadi punca kepada perselisihan pendapat dalam kalangan orang Melayu sendiri*

---

# Kedudukan Khas Orang Melayu

Isu sepanjang masa menjadi  
sensitive – sehingga kini



Tidak pernah dipersoal  
pada awal  
pemerintahan British



Dasar British  
meminggirkan  
Melayu dalam  
rangka Malayan  
Union



Mulanya tiada masalah  
penerimaan orang  
bukan Melayu tentang  
kedudukan khas orang  
Melayu

*Persoalan penting  
sebelum  
persetujuan kepada  
Perjanjian  
Persekutuan Tanah  
Melayu 1948*

- Dalam rangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948
- Draf dibentuk oleh UMNO dan Raja-Raja Melayu Semasa proses penggubalan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
- Dua persoalan penting:
  1. hak kerakyatan dan
  2. keistimewaan Melayu

# *Kedudukan Raja Melayu*

- Terma Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 – antara lain,
- “Raja-raja Melayu berhak diberikan kedudukan khas serta hak terpelihara atas pertimbangan bahawa negeri-negeri di Tanah Melayu ini telah zaman-berzaman diperintah Raja-Raja Melayu

# TENTANGAN TERHADAP PERJANJIAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

*Perjanjian Persekutuan 1948 mendapat bantahan beberapa kumpulan termasuk MNP, API, PUTERA— mendesak supaya suara rakyat dengan lebih demokratik dan menolak Perjanjian 1948;*

- *tetapi mencadangkan 10 points, termasuklah:*
- *Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan*
- *Mengembalikan kedaulatan Raja-Raja Melayu*

TENTANGAN  
TERHADAP PERJANJIAN  
PERSEKUTUAN TANAH  
MELAYU 1948

*AMCJA (Tan Cheng Lock) menuntut, antara lain, raja berperlembagaan, hak politik sama rata dan bantuan berterusan untuk memajukan orang Melayu*

*Tan Cheng Lock tidak menyenangi kuasa menggubal undang-undang oleh Raja-Raja Melayu*



TENTANGAN  
TERHADAP PERJANJIAN  
PERSEKUTUAN TANAH  
MELAYU 1948

*Memorandum Dewan  
Perniagaan Cina menyatakan  
bahawa keistimewaan Melayu  
sebagai ancaman*

*(British menjawab bahawa  
keistimewaan Melayu bukan  
ancaman kepada kaum lain)*

*- Bagi kewarganegaraan –  
(British jawab: taat setia adalah  
ukuran kepada penerimaan  
sebagai warganegara)*

TENTANGAN  
TERHADAP PERJANJIAN  
PERSEKUTUAN TANAH  
MELAYU 1948

*Komunis dan Sosialis juga  
menolak Perjanjian  
Persekutuan 1948  
MNP – tetapi, meletakkan  
syarat; antaranya  
“mekanisme khusus dalam  
Perlembagaan untuk  
meningkatkan keupayaan  
orang Melayu”*

Akhirnya – seksyen 19(d) Perjanjian Persekutuan 1948 mengikrarkan “SPECIAL POSITION OF THE MALAYS” (keistimewaan Melayu) (h. 97)

Dalam proses itu wujudnya persefahaman dan persefahaman inilah yang menjadi teras kepada kontrak sosial

# *Bahasa Melayu*

- Bahasa jiwa bangsa bangsa; Bahasa identiti bangsa
- Bahasa sebagai mekanisme mengikat mengerat masyarakat
- Perlembagaan mengiktiraf Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- Tiada yang membantah pengiktirafan terhadap bahasa Melayu

# *Polisi sekolah vernakular*

- Isu berkenaan sekolah-sekolah yang menggunakan medium bahasa ibunda sebagai bahasa perantara
- Bahasa perantara tidak dinyatakan dalam Perlembagaan;
- Pekara 152 Perlembagaan Persekutuan menetapkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi
- Rasmi dimaksudkan dalam Perkara 152 adalah seperti berikut

# *Perkara 152*

## *Perlembagaan*

### *Persekutuan*

- (1) Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen:

Dengan syarat bahawa—

- (a) tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi), atau daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa lain; dan

(b) tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menjejaskan hak Kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri untuk memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain di dalam Persekutuan.

## Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan

- (2) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, bahasa Inggeris boleh digunakan di dalam kedua-dua Majlis Parlimen, di dalam Dewan Undangan tiap-tiap Negeri, dan bagi segala maksud rasmi yang lain.

## *Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan*

- (3) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, teks sah—
- (a) segala Rang Undang-Undang yang hendak dibawa atau pindaan kepadanya yang hendak dicadangkan di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen; dan
- (b) segala Akta Parlimen dan segala perundangan subsidiari yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, hendaklah dalam bahasa Inggeris.



## Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan

- (4) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, segala prosiding di dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi hendaklah dalam bahasa Inggeris:
- Dengan syarat bahawa, jika Mahkamah dan peguam bagi kedua-dua pihak bersetuju, keterangan yang diambil dalam bahasa yang digunakan oleh saksi tidak perlu diterjemahkan ke dalam atau direkodkan dalam bahasa Inggeris.

## Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan

- (5) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, segala prosiding di dalam mahkamah rendah, selain pengambilan keterangan, hendaklah dalam bahasa Inggeris.
- (6) Dalam Perkara ini, "maksud rasmi" ertinya apa-apa maksud Kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, dan termasuklah
- apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam.

# *Agama Islam*

- Pengisytiharan Islam sebagai agama negara telah diterima tanpa bantahan daripada bukan Melayu;
- Tetapi dalam proses pengubalan Perlembagaan Persekutuan 1957, soal agama Islam dalam Perlembagaan mendatangkan kebimbangan penganut agama lain tentang hak kebebasan sivil mereka, terutama kebebasan beragama
- telah menangani kebimbangan dengan menjamin kebebasan beragama

# Kebebasan beragama dan pengembangan agama lain dalam kalangan orang Islam

- Kebebasan Beragama dan pengembangan agama lain di kalangan orang Islam – toleransi; kebebasan beragama penganut agama lain, tetapi pengembangannya dikawal undang-undang
- (terdapat kenyataan dalam Memorandum Raja-Raja Melayu kepada Suruhanjaya Reid) yang mencadangkan supaya peruntukan ini (sekatan ke atas pengembangan agama lain dalam kalangan orang Islam)
- Dinyatakan bahawa, walaupun kebebasan agama dijamin, dan boleh bertolak ansur, yang mana pembinaan rumah-rumah ibadah orang bukan Islam boleh dibina, tetapi, pengembangan doktrin dalam kalangan orang Islam tidak sesekali dapat raja-raja Melayu bertolak ansur

# Kontrak Sosial ialah jati diri negara kita Kontrak sosial menjadi pengikat jati diri bangsa Malaysia *Merdeka*

*Penerimaan, pengiktirafan dan kelangsungan elemen-elemen teras dan warisan dalam Perlembagaan adalah simbol jati diri negara;*

*Bukan semata-mata kontrak sosial antara kaum dan bangsa  
Oleh itu kontrak sosial ini hendaklah sentiasa dipertahan  
damenjadi pengikat perpaduan antara kita – Bangsa  
Merdeka*

---